

Saudara baru wajib umum status agama

Peraturan elak kesulitan kepada keluarga apabila meninggal

Oleh Wan Hazmir Bakar

PUTRAJAYA: Kerajaan akan mewujudkan peraturan mewajibkan orang bukan Islam yang ingin memeluk agama Islam supaya memaklumkan kepada keluarga masing-masing berhubung langkah mereka itu, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, langkah itu perlu bagi mengelak berbangkit masalah berhubung taraf dan hak anak individu yang berkenaan kesulitan lain selepas mereka meninggal dunia.

"Pada peringkat Persekutuan kita perlu wujudkan satu peraturan untuk saudara baru. Mereka jangan buat senyap-senyap... tiba-tiba masuk Islam, tapi tak beritahu kepada keluarga. Bila mereka meninggal, timbul keributan dan jadi susah.

"Kita tak mahu masalah kemudian nanti, dia masuk Islam dan nak Islamkan anak, pada hal hak isteri pun ada juga. Maka, perlu dipastikan tidak timbul lagi masalah seperti yang ada pada masa ini... kena ada peraturan.

"Bila dia datang nak peluk Islam... kena beritahu dan ada surat yang beritahu keluarganya sudah dimaklumkan," katanya selepas mempeugerusikan Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ahmad Za-

hid Hamidi; Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman dan Ketua Pengarah Jakim, Datuk Wan Muhammad Sheikh Abdul Aziz.

Abdullah berkata, dalam ucapan aluannya pada mesyuarat itu, beliau turut menegaskan semua isu berkaitan agama yang sensitif seperti pembinaan dan perobohan rumah ibadat, harus ditangani dengan bijaksana supaya tidak menimbulkan ketegangan kaum.

“Kita tak mahu masalah kemudian nanti, dia masuk Islam dan nak Islamkan anak, padahal hak isteri pun ada juga. Maka, perlu dipastikan tidak timbul lagi masalah seperti yang ada pada masa ini... kena ada peraturan”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

"Jika isu tidak diselesaikan secara bijaksana, ia akan membawa kepada perkara yang tidak diinginkan... ini penting dijaga dengan baik. Jika timbul masalah, selesaikan sebaik-baiknya," katanya.

Perdana Menteri juga memberitahu mesyuarat itu Kabinet sudah memutuskan supaya Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC), mengambil alih fungsi Jakim berhubung urusan pengeluaran penjiilan halal.

Bagaimanapun, katanya, sijil dan logo halal Jakim akan tetap digunakan kerana integriti sijil halal itu sudah diiktiraf pada peringkat antarabangsa dan piawaiannya diterima pakai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Kita tak akan keluarkan sijil lain. HDC peranannya untuk mempromosikan pembangunan hab halal dan membantu dari segi promosi industri halal bersama jabatan dan agensi lain.

"Kerja bersabit penyelidikan dan yang berkaitan dengan halal akan diteruskan pegawai Jakim... mereka akan berkhidmat di bawah HDC," katanya.

Mengenai mesyuarat Lembaga Pengarah Khazanah Nasional Bhd yang dipengerusikan beliau sebelum itu, Abdullah berkata, kerajaan akan menggubal dasar jaminan makanan bagi memastikan negara mempunyai bekalan makanan yang mencukupi.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, syarikat berkaitan ke-

rajaan (GLC) yang memiliki kawasan tanah yang tidak digunakan juga diarah menjalankan aktiviti pengeluaran makanan seperti penanaman sayur, buah dan padi.

"Mesti ada mekanisme bagi memastikan kita mempunyai bekalan makanan yang mencukupi untuk rakyat... Kabinet juga putuskan supaya stok dianalisis. Kita nak dasar jaminan makanan, ia amat penting untuk negara," katanya sambil menambah butiran dasar itu akan diperhalusi.

Mengenai isu Sabah, Abdullah berkata, Kabinet bersetuju dengan pandangan yang disampaikan pemimpin Barisan Nasional (BN) negeri itu, termasuk cadangan pemansuhan Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah (JPPS).

"Ia tidak akan lagi berfungsi sebagai JPPS, tetapi apa juga prosedur yang wajar dilaksana akan dilaksanakan. Kita nak kurangkan pertindihan kerja dan selaraskan kerja bagi memastikan semua berjalan lancar. Ini kerajaan BN yang sudah tentu akan jalankan dasar BN," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, usaha untuk menambah penyertaan rakyat negeri itu dalam perkhidmatan peringkat Persekutuan juga akan dilaksanakan.

"Banyak agensi Persekutuan di Sabah, tetapi bilangan rakyat Sabah amat sedikit dan perlu ditambah jumlahnya. Perkhidmatan di Semenanjung pun akan diberi perhatian," katanya.